

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN

Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah usaha kolaborasi Kementerian bersama agensi lain dalam mempertimbangkan isu pelepasan karbon yang tinggi akibat sektor tenaga dengan mempromosikan tenaga yang boleh diperbaharui dan menghadapi cabaran apabila harga minyak kini murah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi mengurangkan pelepasan karbon dalam sektor penjanaan elektrik, Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam penjanaan elektrik. Antaranya ialah melaksanakan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) bermula pada 1 Disember 2011 bagi menggalakkan penjanaan elektrik daripada sumber TBB. Melalui mekanisme FiT, syarikat-syarikat atau individu menjana elektrik daripada TBB dan menjual tenaga elektrik yang dijana tersebut kepada pihak utiliti.
2. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 1,002.44MW kapasiti penjanaan daripada TBB telah diluluskan melalui mekanisme FiT yang dapat mengelakkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 3,385,048.52 tan CO₂_{equiv} secara kumulatif sepanjang tempoh operasi pemasangan TBB yang telah diluluskan. Namun demikian, kapasiti terpasang TBB yang telah disambung ke grid sehingga kini hanyalah sebanyak 332.76MW sahaja.

3. Berikutan pelaksanaan mekanisme FiT masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan, Kerajaan telah memperkenalkan program *Net Energy Metering* (NEM) dan *Large Scale Solar* (LSS) dibawah Rancangan Malaysia ke 11 untuk menjana bekalan elektrik dengan menggunakan tenaga solar atau matahari. Menjelang tahun 2020, adalah disasarkan sebanyak 500MW tenaga elektrik akan dihasilkan di bawah program NEM manakala 1000MW lagi dibawah program large scale solar. Secara keseluruhan, kerajaan mensasarkan sebanyak 2080MW tenaga elektrik akan dihasilkan daripada sumber tenaga boleh baharu menjelang 2020 iaitu 7.8% daripada kapasiti terpasang untuk seluruh Semenanjung dan Sabah. Sumber tenaga boleh baharu meliputi biojisim, sisa pepejal, hidro, biogas dan solar fotovoltaiik.

4. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau seperti karbon dioksida ini dijalankan dengan pelbagai agensi kerajaan untuk mempromosikan tenaga boleh baharu seperti SIRIM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerjasama yang terjalin adalah untuk mempromosikan penggunaan biojisim, biogas

dan sisa pepejal sebagai sumber tenaga boleh baharu. Kementerian ini juga bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dibawah Kementerian Kerja Raya dalam melaksanakan teknologi hijau dalam sektor pembinaan melalui penggunaan bahan-bahan mesra alam (sumber boleh baharu) yang dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Industri Fotovoltaik Malaysia juga di libatkan sama untuk mempromosikan penggunaan sumber tenaga boleh baharu.
